

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

11 jururawat ditempatkan di Hospital Semporna dan Tawau



SEBAHAGIAN daripada 11 jururawat yang akan dihantar ke Hospital Semporna dan Hospital Tawau bagi membantu menangani peningkatan kes Covid-19 di daerah tersebut.

KUALA LUMPUR – Seramai 11 jururawat ditempatkan di Hospital Semporna dan Hospital Tawau bagi membantu pasukan perubahan di kedua-dua hospital yang terkesan akibat peningkatan kes Covid-19 di Sabah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, jururawat dari beberapa buah hospital itu telah bersedia sedia untuk menjalankan tugas di lapangan.

"Kumpulan jururawat itu merupakan kelompok pertama dari Semenanjung yang dihantar ke Sabah secara berperingkat sejak pagi tadi (kelmarin)," katanya menerusi hantaran di Facebook kelmarin.

Beliau berkata, lima adalah

jururawat dari Institut Kanser Negara yang ditempatkan di Hospital Semporna.

"Manakala masing-masing dua dari Hospital Sultanah Nur Zahirah dan Hospital Dungun serta masing-masing seorang dari Hospital Sultan Haji Ahmad Shah dan Hospital Tengku Ampuan Afzan di Pahang ditugaskan di Hospital Tawau," tambahnya.

Kes penularan Covid-19 di dalam negara pada kelmarin mencatatkan jumlah kes harian tertinggi dengan sebanyak 287 kes kelmarin.

Bagaimanapun, selang 24 jam dari tempoh itu negara mencatatkan penularan kes tertinggi pernah direkodkan dengan 317 kes.



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	317
Import: 0 Tempatan: 317	
• Pulih	121
• Kematian	1
• Masih dirawat	1,735
• Jumlah kes sembuh	10,216
• Jumlah Kematian	137
Jumlah kes keseluruhan	12,088

Penularan harian terus meningkat kepada 317 kes

Kes baharu Covid-19 pecah rekod lagi

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan menjangkakan kes jangkitan Covid-19 dalam negara akan terus meningkat untuk tempoh satu minggu ini berikutan tindakan pengesanan agresif di lapangan yang sedang giat dijalankan ketika ini.

Kes harian telah menunjukkan peningkatan tiga hari berturut-turut sejak 1 Oktober lalu dengan kes tertinggi sebanyak 317 dilaporkan semalam yang kesemuanya memabitkan penularan tempatan sekali gus menjadikan keseluruhan jumlah kes positif sebanyak 12,088.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kes harian itu antara lain disumbangkan daripada kes positif di tiga kluster baharu iaitu Kluster Jelok di Selangor dengan tiga kes, Kluster Bah Lunas di Kulim, Kedah (dua) dan Kluster Bah Rose di Kuala Muda, Kedah (satu).

Beliau berkata, kes indeks bagi Kluster Bah Lunas dan Bah Rose didapati mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah, sekali gus menjadikan jumlah kes memabitkan individu balik dari Sabah sejak 20 September lalu sebanyak 176 kes termasuk 37 yang dilaporkan semalam.

"Sebanyak 15 kes balik dari Sabah dikesan di Selangor, Tereng-



NOOR HISHAM

ganu (tujuh), Johor dan Sarawak (tiga), Kedah, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Putrajaya (dua) serta satu di Negeri Sembilan," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, kes indeks Kluster Bah Lunas dikesan positif pada 30 September lalu dan dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah.

Beliau berkata, saringan kontak rapat mengesan tiga lagi kes positif Covid-19 yang kesemuanya kini dirawat di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar.

"Kes indeks Kluster Bah Rose dikesan positif pada 29 September dan telah dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah. Saringan kontak rapat

mengesan tujuh lagi kes positif yang kesemuanya kini menerima rawatan di Hospital Sultanah Bahiyah.

Noor Hisham berkata, kes indeks Kluster Jelok dikesan positif melalui saringan individu bergejala pada 1 Oktober dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan," katanya.

"Saringan kontak rapat mengesan tiga lagi kes positif yang kesemuanya dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan," katanya.

Beliau berkata, Sabah mencatatkan kes tertinggi sebanyak 155 kes dengan 100 daripadanya saringan bergejala selain pertambahan kes daripada lima kluster aktif iaitu Kluster Bangau-Bangau (35), Kluster Benteng LD (10), Kluster Laut (tiga), Kluster Joo Hwa (dua) dan Kluster Buang Sayang (satu).

Beliau berkata, Kedah merekodkan 102 kes dengan 97 daripadanya di Kluster Tembok selain satu di Kluster di Bah Ketil.

"Kluster Meru di Selangor pula merekodkan 12 kes selain dua kes daripada kluster sama dikesan di Kuala Lumpur dan Johor," katanya.

Beliau turut memaklumkan satu kes kematian di Sabah memabitkan kes-137 yang merupakan seorang lelaki berusia 57 tahun yang mempunyai pelbagai jenis penyakit.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Rekod kes baharu tertinggi

Malaysia catat 317 kes baharu membabitkan penularan dalam negara

Oleh **NURUL HUDA HUSAIN**

PUTRAJAYA

Malaysia semalam mencatatkan kes harian positif wabak koronavirus (Covid-19) tertinggi pernah direkodkan sejak pandemik itu mula dikesan di negara ini pada Februari lalu iaitu sebanyak 317 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kesemua yang dilaporkan itu membabitkan penularan dalam negara.

"Kesemua 317 kes adalah kes penularan di dalam negara yang melibatkan 303 kes dalam kalangan warganegara dan 14 kes bukan warganegara.

"Daripada 317 kes tersebut, sebanyak 37 kes merupakan pengunjung yang pulang dari Sabah.

"Ini menjadikan jumlah kes dilaporkan mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah sejak 20 September 2020 sebanyak 176 kes," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.



DR NOOR HISHAM

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, terdapat 121 kes yang telah pulih Covid-19 menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya adalah sebanyak 10,216 kes.

"Terdapat 29 kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) di mana empat kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan terdapat satu kes kematian baharu menjadikan angka keseluruhan kes kematian meningkat kepada 137 kes.

"Kes kematian ke-137 iaitu kes ke-10,939 merupakan lelaki tempatan

berumur 57 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan dislipidemia.

"Kes mula mengalami gejala batuk, kurang selera makan dan demam sejak 10 September 2020. Pada 24 September 2020, kes mengalami sesak nafas dan telah dibawa ke Jabatan Kecemasan Hospital Semporna.

"Keadaan kes didapati merosot dan disahkan meninggal dunia jam 11.44 malam pada 2 Oktober 2020," katanya.

Senarai kes baharu Covid-19 (harian) tertinggi sejak Mac 2020

- 23 MAC 2020 - **212 kes**
- 26 MAC 2020 - **235 kes**
- 2 APRIL 2020 - **208 kes**
- 3 APRIL 2020 - **217 kes**
- 26 MEI 2020 - **187 kes**
- 4 JUN 2020 - **277 kes**
- 11 SEPTEMBER 2020 - **182 kes**
- 1 OKTOBER 2020 - **260 kes**
- 2 OKTOBER 2020 - **287 kes**
- 3 OKTOBER 2020 - **317 kes**

Singapura catat kes Covid-19 terendah

SINGAPURA - Singapura merekodkan enam kes positif Covid-19 semalam iaitu yang paling rendah sejak awal Mac lepas.

Menurut data ringkas yang dikeluarkan semalam, Kementerian Kesihatan republik itu memaklumkan kes-kes baharu itu termasuk satu kes dalam komuniti dan empat kes import.

Kementerian itu masih meneliti perincian kes berkenaan. Perkembangan terkini itu menjadikan jumlah jangkitan di republik itu kepada 57,800 kes.


Sehingga kelmarin, kementerian itu mengklasifikasikan 1,085 daripada kes yang dilaporkan sebagai kes import, 2,253 kes dalam komuniti dan 54,456 melibatkan penghuni asrama.

Kementerian itu memberitahu 57,534 kes telah sembuh sepenuhnya dan 48 kes yang disahkan masih berada di hospital bagaimanapun tiada yang dirawat di unit rawatan rapi.

Sementara itu, 185 pesakit yang mempunyai gejala ringan atau sihat secara klinikal tetapi diuji positif Covid-19 telah diasingkan dan dirawat di kemudahan komuniti.

Sehingga kini, 27 orang meninggal dunia berikutan komplikasi akibat Covid-19 di republik itu. = Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

KKM belum syorkan sekolah ditutup

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) belum bercadang untuk mengesyorkan penutupan sekolah di seluruh negara meskipun kes positif pandemik koronavirus (Covid-19) menunjukkan peningkatan mendadak ketika ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah bagaimanapun berkata, semua pihak termasuk guru dan pelajar perlu mematuhi semua prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

“Kalau sekolah tersebut ada jangkitan, contohnya, kita lihat dulu. Sebelum ini di Kluster Tawar ada seorang guru didapati positif Covid-19 dan guru itu telah kembali ke sekolah dan ada jangkitan berlaku barulah disyorkan tutup sekolah.

“Tetapi setakat ini (KKM) tidak syor

penutupan sekolah, aktiviti tetap boleh berjalan tetapi kena berhati-hati dan patuh SOP,” katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada KKM bercadang mengesyorkan penutupan sekolah di seluruh negara susulan peningkatan mendadak kes Covid-19.

Sementara itu, Dr Noor Hisham memaklumkan KKM kini lebih bersedia untuk berdepan dengan kenaikan mendadak kes positif Covid-19 berbanding ketika tempoh awal penularan pandemik itu.

Katanya, keyakinan itu bersandarkan kepada pengalaman dan peralatan yang ada.

“Apa yang penting ialah kemampuan KKM. Kalau lihat kesiapsiagaan KKM, kita lebih bersedia dibandingkan sama-

sa bulan Mac dan April.

“Kesiapsiagaan itu dari segi peralatan dan pengalaman kita merawat pesakit Covid-19 dan juga dari segi penggunaan peralatan perlindungan diri (PPE) dan sebagainya.

“Jadi sekarang ini kita lihat peningkatan kes (ketika ini) tertumpu di Kedah dan Sabah,” katanya ketika diminta mengulas mengenai kemampuan KKM untuk berdepan dengan kenaikan kes positif wabak Covid-19 meliputi kapasiti katil dan lain-lain peralatan.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, KKM turut menghantar bantuan pasukan terdiri daripada pakar perubatan dan pegawai perubatan di lapangan untuk tindakan kesihatan awam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Pemimpin juga perlu jalani kuarantin

Kerajaan tegas terhadap individu yang baru pulang dari Sabah selepas 27 September

Oleh SAIFULLAH AHMAD

BAGAN SERAI

Kerajaan menegaskan mana-mana individu termasuk pemimpin yang balik dari Sabah selepas 27 September lalu perlu menjalani kuarantin dalam tempoh ditetapkan.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, berdasarkan data-data diterima, kebanyakan penularan kes koronavirus (Covid-19) sejak akhir-akhir ini disebabkan mereka yang balik dari Sabah.

Menurutnya, mereka yang menjalani kuarantin juga perlu akur kepada undang-undang dengan terus berada di kediaman masing-masing selama 14 hari.

“Setakat ini kita tahu ramai yang ikut prosedur operasi standard (SOP) dengan menjalani kuarantin di rumah tapi ada juga yang tak buat.

“Jadi ini yang kerajaan nasihatkan. Kita juga nasihat sesama kita, pemimpin-pemimpin tempatan ambil berat perkara ini



Dr Noor Azmi (kiri) menyantuni penderma darah pada Kempen Derma Darah anjuran KRT Bagan Serai Timur dan Yayasan Amal Malaysia Cawangan Perak di Bagan Serai semalam.

dan nasihatkan semua orang di daerah kita.

“Semua orang kena betul-betul serius dalam penjagaan SOP ini sebab kes sudah ada dalam komuniti kita.

“Kita tengok semalam (kelmarin) tiada penularan dari negara luar, semuanya dalam negara. Paling tinggi di Kedah dan Sabah,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kempen Derma Darah anjuran Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Bagan Serai Timur dan Yayasan Amal Malaysia Cawangan Perak di sini semalam.

Dr Noor Azmi berkata, pihaknya kini serius menasihati pemimpin komuniti melalui program di peringkat bawah melibatkan pe-

nggerusi KRT, pengerusi Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (Combi), pengerusi Komuniti Sihat Pembina Negara (Kospen), ketua-ketua kampung, pengerusi surau dan masjid supaya masyarakat mematuhi SOP.

Menurutnya, peningkatan tertinggi semalam iaitu sebanyak 317 kes merupakan satu tragedi kerana melepasi 277 kes yang dicatat pada Jun lalu.

“Rakyat diminta jangan panik, yang penting jaga diri kita dan ikut SOP ditetapkan.

“Tak perlu keluar rumah kalau tak ada urusan, jangan berkumpul di pasar raya dan sebagainya. Kalau pergi kenduri, lepas habis balik cepat,” kata beliau lagi.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : SINAR

Dr Adham tak pandai main golf



Dr Adham dalam ciapan Twitter semalam menafikan dakwaan beliau bermain golf di Desaru kelmarin.

SHAH ALAM – Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba menafikan dakwaan beliau menyertai program bermain golf di Lotus Desaru Beach Resort, Johor kelmarin.

Dr Adham menerusi ciapan Twitter beliau semalam, menyifatkan dakwaan tersebut sebagai fitnah yang bertujuan memburukkan imejnya ketika pandemik Covid-19 berada pada tahap yang membimbangkan.

Tegasnya, pada hari yang sama beliau mengendalikan tiga mesyuarat utama di Putrajaya.

Malah, pegawainya yang menggunakan akaun Ahmad Rashidi @aarashi82 turut mendedahkan Ahli Parlimen Tenggara itu bukan seorang 'kaki golf'.

"Betul (Dr Adham) ada program kesihatan esok (kelmarin) di Desaru tetapi bukan untuk bermain golf. *Instead, for your fact*, Menteri tak pandai main golf.

"Saya pegawai KKM, sahkan esok (kelmarin) memang ada program kesihatan di Desaru," katanya membalas ciapan di Twitter berkenaan.

Isu tersebut tular di media sosial kelmarin apabila seorang pengguna Twitter, @adammukhrizmy menerusi ciapannya memaparkan kain pemedang yang menunjukkan program di pusat peranginan berkenaan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : NEW/STORY OF THE DAY

FLATTENING THE CURVE

HEALTH D-G: SPIKE MAY LAST UP TO A WEEK

Same detection measures carried out in March and following months, says Dr Noor Hisham

ADIB POVERA
 PUTRAJAYA
 news@nst.com.my

THE number of new Covid-19 cases recorded in a day in Malaysia, which has been rising in the past few days, is likely to remain high for at least two days and up to a week.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said this was due to measures activated by the Health Ministry, including rapid active case detection in four districts in Sabah under the Targeted Enhanced Movement Control Order (TEMCO).

"The government has implemented the TEMCO in four districts in Sabah — Tawau, Lahad Datu, Kunak and Semporna.

"Measures such as targeted active case detection involving people residing in the four districts are ongoing.

"Normally, we will see an increase in cases for at least two days or up to a week due to the measures being implemented to break the chain of virus transmission and to flatten the curve," he said here yesterday.

The same measures, he said, were implemented when the pandemic was at its peak in March and the subsequent months, compelling the government to enforce the MCO and the Conditional MCO.

"The steps we've taken are not limited to the four districts in Sabah. The government has also introduced an inter-district MCO throughout the state to curb the spread of the outbreak.

"Similar measures have been implemented in Sarawak, which helped the ministry control the

spread of the pandemic."

He said the ministry was more prepared this time as it had more experience in dealing with the pandemic compared with the initial stages of the outbreak earlier in the year.

"This is evident in the ministry's decision to send reinforcements in the form of medical teams and equipment in the past two weeks. We will continue to do so from time to time."

Dr Noor Hisham said it was important for the public to comply with the standard operating procedures (SOP), including physical distancing, good hygiene and avoiding crowded places and large gatherings, to curb the spread of Covid-19.

Yesterday, the country recorded its highest number of new cases in a day at 317, all of which were local transmissions.

This brought the cumulative total number of cases to 12,088.

Sabah and Kedah recorded the highest cases at 155 and 102, respectively, followed by 32 in Selangor, nine in Terengganu, four in the Federal Territories, four in Johor, three in Penang, three in Sarawak, two in Kelantan, two in Putrajaya and one in Negri Sembilan.

The Covid-19 death toll in the country rose to 137.

A 57-year-old man with prior health issues died on Friday at Tawau Hospital in Sabah.

Up to noon yesterday, the ministry detected three new Covid-19 clusters.

The Bah Lunas and Bah Rose clusters were detected in Kedah, while the Jelok cluster was detected in Selangor and Kuala Lumpur.

Dr Noor Hisham said school activities could proceed as usual under strict SOP and the ministry did not recommend that schools be closed amid the surge in cases.

"The ministry will only recommend the closure of schools if there is a confirmed case detected on the school premises.

"This is what we implemented to contain the spread of the Tawar cluster.

"We instructed a school to close after a case was detected involving a teacher who returned to the school.

"The ministry has not made any recommendations for the closure of schools."

Dr Noor Hisham was asked to comment on claims that have gone viral that two schools in Presint 8, Putrajaya, had been ordered closed for 14 days following the detection of Covid-19 cases there.

"The school managements took their own initiative to carry out disinfection of their premises.

"This is being done by operators of some restaurants to ensure the safety of their patrons.

"The ministry recommends that such measures (disinfection exercises) be conducted periodically."

Page 1 pic: More than 400 people have been screened following the detection of the Tembok cluster in Kedah, including inmates at the Alor Star prison.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Covid-19: Current situation globally (As at 7pm Oct 3, 2020)												New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered	
Malaysia												317	12,088	137	10,216	
Asean+	Philippines	Indonesia	China	Japan	Singapore	S. Korea	Myanmar	Thailand	Vietnam	Cambodia	Brunei	Laos				
Confirmed cases	319,330	299,506	85,434	84,215	57,800	24,027	15,525	3,583	1,096	278	146	23				
Deaths	5,678	11,055	4,634	1,578	27	420	353	59	35	0	3	0				
Recovered	255,046	225,052	80,611	77,219	57,534	21,787	4,378	3,386	1,020	275	142	22				
Global Top 10	US	India	Brazil	Russia	Colombia	Peru	Spain	Argentina	Mexico	South Africa						
Confirmed cases	7,549,323	6,473,544	4,882,231	1,204,502	841,531	821,564	810,807	779,689	753,090	677,833						
Deaths	213,524	100,875	145,431	21,251	26,397	32,609	32,086	20,599	78,492	16,909						
Recovered	4,776,824	5,427,706	4,232,593	975,859	753,953	695,645	N/A	614,515	541,518	611,044						

'Be prepared for more cases'

Noor Hisham: Authorities bracing for uptrend in infections

By ALLISON LAI and
AUSTIN CAMOENS
newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Health authorities are stepping up efforts to detect Covid-19 cases and are bracing for an uptrend in the number of positive cases in the days ahead, says Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

The Health director-general said this following a record high number of Covid-19 cases in two consecutive days in Malaysia yesterday, with 317 new infections – the highest daily increase yet (it was 287 cases on Friday).

"Four districts in Sabah, namely Lahad Datu, Tawau, Kunak and Semporna, are under the targeted enhanced movement control order with aggressive screening ongoing.

"As our field activities are focused on those areas, we expect to see an increase in cases in the next few days.

"The expected increase in cases is also because of the additional screenings for both international and domestic returnees to Sabah.

"This will enable us to trace the positive cases and isolate them, before conducting acute case detec-

tion on these cases," he said here yesterday.

One death involving a 57-year-old man with a history of diabetes, high blood pressure and dyslipidemia was recorded in Sabah, bringing our death toll to 137, he said.

Sabah contributed the most cases at 155, followed by Kedah (102), Selangor (32), Terengganu (nine), four each in Kuala Lumpur and Johor, three each in Sarawak and Penang, two each in Kelantan and Putrajaya, and one in Negri Sembilan.

Dr Noor Hisham said since Sept 27, a total of 14,747 individuals who returned to Sabah had been screened with 176 (1.19%) testing positive.

He noted that efforts to curb the pandemic were now focused on Sabah, as the ministry had so far mobilised healthcare teams from the peninsula to strengthen its team and service delivery there.

"We have sent teams not only from Sarawak and Labuan, but also from Terengganu, Kelantan, Pahang and Kuala Lumpur to Sabah.

"We have sufficient medical equipment and staff to handle the

situation coupled with the cooperation of various departments and agencies.

"We hope to control the spread of the virus within the next two weeks," he said, adding that the infection in Kedah prison was also under control as all inmates and wardens had been screened.

He noted that Sabah had six hospitals along with six quarantine and low-risk treatment centres with 590 beds and 1,396 beds respectively.

"As of Friday, the government hospital's rate of usage is at 69% while the low-risk treatment centres is 31%," he said, adding that the 66-bed Intensive Care Unit (ICU) was now at 23% usage rate.

Meanwhile, Dr Noor Hisham noted that the latest fatality involved a patient who delayed in seeking treatment at Hospital Tawau.

Three new clusters – two in Kedah and one in Selangor – were also reported.

"The Bah Lunas cluster has been identified in Kulim with the index case being a 35-year-old local man who had just returned from a high-risk area in Sabah.

"So far, 112 individuals were screened and four tested positive

and 87 are waiting for their results," he said.

The index case for the Bah Rose cluster in Kuala Muda, Kedah, was another 48-year-old Malaysian man who had travelled to Sabah.

Contact tracing on him has led to seven more people tested positive in the cluster.

So far, seven people in Kedah and one in Penang have tested positive in the cluster.

"The Jelok cluster has been identified in Kuala Lumpur and Selangor, whereby the index case was a 27-year-old Malaysian man who tested positive on Thursday.

"So far, four people have tested positive in the cluster," he said, adding that the source of the infections was still under investigation.

Dr Noor Hisham noted that 121 patients recovered yesterday, making the total recoveries at 10,216 or a rate of 84.5%.

The total number of active cases in the country is now 1,735.

The country's cumulative total cases since the outbreak began in January is 12,088.

There are 29 patients being treated in ICU, with four requiring ventilator support.